

- (c) Menguruskan iklan atau pelawaan tender;
- (d) Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);
- (e) Menutup peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;
- (f) Menjaga keselamatan peti tender dan dokumen tender;
- (g) Menguruskan pembukaan tender; dan
- (h) Menguruskan penilaian tender.

6.10.10 Semua tawaran tender melebihi RM50 juta hendaklah dibuka di hadapan orang awam. Pembukaan tender di hadapan orang awam bermaksud pembukaan tender di kalangan petender yang memasuki tender.

## **6.11 Merahsiakan Maklumat Dan Kedudukan Sesuatu Tender<sup>14</sup>**

- 6.11.1 Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat sebelum keputusan muktamad dibuat.
- 6.11.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

---

<sup>14</sup> Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007